



1. SUDAHKAH ANDA MENGISI PERAKUAN AKTA RAHSIA RASMI 1972 BAGI TAHUN 2022?

- Semua ketua jabatan dikehendaki memastikan semua pegawai dan kakitangan (termasuk sambilan & kontrak) di jabatan masing-masing **menandatangani Perakuan berkenaan AKTA RAHSIA RASMI 1972 sekali setiap tahun.**
- Perakuan yang telah lengkap diisi oleh kakitangan hendaklah ditandatangani oleh KETUA JABATAN di jabatan masing-masing.
- Perakuan yang telah lengkap ditandatangani hendaklah disimpan di dalam fail peribadi oleh pihak pengurusan di jabatan masing-masing.

Untuk maklumat lanjut sila rujuk :

- *Buku Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017)*
- *Surat Edaran : JP.KPP.UI 500-4/13/2 (1) bertarikh 12 Januari 2021*

3. KETIRISAN AMANAH : KOMPILASI KES-KES TATATERTIB PENGURUSAN KEWANGAN

- Buku "Ketirisan Amanah : Kompilasi Kes-Kes Tatatertib Pengurusan Kewangan" ini diterbitkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam bertujuan memberikan kefahaman dan panduan kepada agensi dalam menguruskan kes-kes tatatertib khususnya berkaitan pengurusan kewangan awam.
- Penerbitan buku ini adalah untuk membantu semua pihak yang bertanggungjawab dalam pengurusan tatatertib di agensi masing-masing dalam mengenal pasti isu-isu berkaitan dan pelanggaran tatakelakuan yang biasanya dilakukan dalam pengurusan kewangan awam.
- Kandungan dan persembahan buku ini yang ringkas, kreatif dan berinformasi amat mudah difahami oleh semua pihak bagi meningkatkan pengetahuan dan kefahaman berkaitan pengurusan tatatertib perkhidmatan awam.




Untuk maklumat lanjut sila layari :

<https://www.jpa.gov.my/pusat-media-mm/penerbitan/buku-jurnal-kajian-pelan-strategik/205-ketirisan-amanah>

2. PEKELILING PERBENDAHARAAN PK 1.6 INTEGRITI DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

- Selaras dengan usaha transformasi Kerajaan untuk menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi, Kerajaan komited dalam meningkatkan integriti pentadbiran awam melalui pencegahan amalan rasuah. Integriti adalah amat penting demi mengelakkan ketirisan dalam perbelanjaan Kerajaan dan memastikan pelaksanaan perolehan Kerajaan mampu membawa impak yang sebenar kepada Kerajaan dan rakyat.
- Agensi perlu memberi perhatian yang serius dan memainkan peranan penting dalam usaha untuk memastikan integriti dibudayakan dalam kalangan penjawat awam dan syarikat yang terlibat dalam perolehan Kerajaan melalui pelaksanaan inisiatif yang telah digariskan selain pelaksanaan langkah lain yang bersesuaian.
- Peraturan ini **berkuat kuasa mulai 1 April 2022**. Dengan berkuat kuasanya peraturan ini, peraturan berkaitan di PK1.1/Perenggan 5 adalah terbatal.




Untuk maklumat lanjut sila layari :

<https://1pp.treasury.gov.my/makluman/pindaan/594>

4. PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA : TATAKELAKUAN DAN PENGURUSAN TATATERTIB PEGAWAI AWAM VERSI 1.0 (2022)

- Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (PPSM) ini bertujuan untuk menjelaskan mengenai peraturan berkaitan tatakelakuan dan pengurusan tatatertib yang melibatkan Pegawai Awam. Ianya tidak akan membatalkan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam yang sedang berkuatkuasa.
- Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (PPSM) ini **berkuat kuasa mulai 1 Januari 2022**.



Untuk maklumat lanjut sila layari :

<https://docs.jpa.gov.my/docs/myppsm/PPSM/UP/Tatakelakuan-dan-Pengurusan-Tatatertib-Pegawai-Awam/>